

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

## **PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ [ BACHOK ]**

## **SOALAN**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan setiap inisiatif yang telah dirangka di bawah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup yang tinggi.

JAWAPAN

## **Yang di-Pertua,**

**Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)** telah ditubuhkan berperanan sebagai **Badan Utama Bagi Menangani Isu – Isu Dan Cabaran Berhubung Kenaikan Kos Sara Hidup** yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Selain itu, **NACCOL** bertujuan untuk **memperkuuh dan menyelaras pelaksanaan strategi – strategi dan pelan tindakan berkaitan isu sara hidup** dengan berkesan melalui **kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta** agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu. Inisiatif yang dilaksanakan di bawah NACCOL adalah seperti berikut:

- i) **Pelaksanaan Kad MY100 dan MY50** bagi tambang pengangkutan awam untuk rakyat Malaysia sahaja. Inisiatif MY100 ini boleh digunakan selama 30 hari tanpa had untuk penggunaan di semua servis tren dan bus **RapidKL** laitu **LRT, MRT, BRT, Monorel, dan Bas RapidKL**. Manakala **Pas MY50** pula adalah **Pas berharga RM50** untuk 30 hari penggunaan di perkhidmatan bas RAPIDKL sahaja,

termasuk bas MRT tetapi tidak termasuk bas BRT. Sehingga Ogos 2019, pelaksanaan **MY100** di bawah **Kementerian Pengangkutan** telah memberi manfaat kepada **762,481 orang pengguna** Rapid Rail. Manakala bagi kad **MY50**, ia telah memberi manfaat kepada **21,960 orang pengguna** Bas Rapid Transit (BRT) bagi tempoh yang sama. (Cadangan – cadangan ini telah dibentangkan di NACCOL pada **Mesyuarat Bil 1/2018 pada 25 September 2018** dan dibawa ke Jemaah Menteri bagi kelulusan);

- ii) Pelaksanaan **tambang diskaun Xtra20** bagi **Komuter KTM** telah mula dilaksanakan pada **1 April 2019** dan dijangka akan memberi manfaat kepada pengguna di bandar dan luar bandar. Melalui inisiatif ini, para pengguna kini boleh **menjimatkan sehingga RM176.00 sebulan** dengan **kadar tambang serendah RM0.80** dengan penggunaan kad kad diskaun tambang yang baharu ini. Sehingga 17 September 2019 sebanyak 144,113 kad ini telah pun terjual; dan
- iii) Pelaksanaan Program **Food Bank Malaysia** telah memberi manfaat kepada 311,189 orang isi rumah dan 6,870 orang pelajar. Program ini telah dilaksanakan di **21 buah universiti awam** dan akan diluaskan kepada kesemua universiti awam yang lain sebelum hujung tahun ini.

Sekian, terima kasih.